

# Tanah runtuh, ribut, banjir fenomena tiada penghujiung

*Kepesatan pembangunan, sistem perparitan tak sempurna punca bencana*



**SYED AZWAN  
SYED ALI**

**D**ari musim kemarau membawa kepada musim tengkujuh di akhir tahun, negara ini sentiasa berdepan bencana alam seperti banjir, ribut dan tanah runtuh. Paling mengemparkan tentunya insiden tanah runtuh dan banjir lumpur di Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak pada 11 November lalu.

Dalam insiden itu, ribuan pengguna lebuh raya terkandas akibat tanah runtuh di Kilometer 52.4 berhampiran susur keluar Lentang-Bukit Tinggi. Insiden itu dilaporkan berlaku sekitar jam 7 malam apabila hujan lebat menyebabkan tanah runtuh dan banjir lumpur.

Jalan Lama Bentong-Kuala Lumpur turut terputus pada hari kejadian. Insiden itu menyebabkan sekurang-kurangnya 25 penghuni kuarters Jabatan Perhutanan Pahang terpaksa dipindahkan. Lebuh raya itu terpaksa ditutup lima hari sebelum dibuka semula dengan siasatan punca kejadian masih dijalankan.

Sekalipun tidak memabatkan kehilangan nyawa, insiden tanah runtuh dan banjir lumpur di Karak itu menimbulkan persoalan mengenai sejauh mana keberkesanan pemantauan dilakukan pihak berwajib ke atas kawasan cerun dan tanah tinggi.



**“Malaysia seperti kebiasaannya berdepan dengan insiden jerebu akibat pembakaran hutan di negara jiran pada September sehingga menyebabkan sekolah terpaksa ditutup”**

mengorbankan nyawa sebelum ini. Aliran puing itu disifatkan sebagai bahaya terutama di kawasan tanah tinggi yang ditarah untuk membuat jalan raya, katanya yang turut menggesa pihak berwajib mengkaji dan memantau aliran sungai bagi mengelakkan insiden tidak dingin.

Sebelum itu pada 28 Ogos, lebih 200 rumah, masjid, sekolah agama rakyat dan bangunan pejabat dilaporkan rosak di landa ribut di Kedah dan Perlis. Di Silk, hampir 200 rumah rosak, manakala di Seri Iskandar, 60 rumah termasuk 36 rumah penoreka rosak dibadai ribut namun tiada kehilangan nyawa dilaporkan.

Kira-kira sebulan kemudiannya, Malaysia berdepan dengan insiden jerebu akibat pembakaran hutan di negara jiran pada September sehingga menyep-

Namun, di sebalik bencana alam semula jadi itu, Malaysia turut berdepan dengan insiden banjir kilat berlaku di beberapa negeri. Pada 16 November lalu, banjir kilat berlaku di Shah Alam, Selangor, dengan hujan lebat sejak jam 1 tengah hari menyebabkan puluhan kereta terkandas.

Antara kawasan dilanda banjir kilat ialah Seksyen 13, Seksyen 9, Seksyen U8 dan Batu Tiga, menyebabkan laluan tidak dapat dilalui kenderaan. Malah perkhidmatan KTM komuter dan kereta api baharangan terjejas selepas landasan berdekatan Stesen Batu Tiga, ditenggelami air.

**Perancangan pembangunan**

Insiden bencana itu terus berlaku dengan beberapa kawasan di Shah Alam dan Sungai Buloh dilanda banjir kilat selepas hujan lebat pada jam 3 petang pada 13 Disember lalu. Antara kawasan terjejas ialah di Seksyen 7, Kampus UTM Puncak Alam, Saujana Utama, Sungai Buloh dan kawasan sekitar.

Kekerapan banjir kilat berlaku di Selangor, misalnya, menimbulkan persoalan adakah ia berpunca daripada kemajuan pembangunan dan peranan bandar yang kurang berkesan, termasuk persoalan mengenai sistem perparitan sedia ada. Sekalipun banjir kilat jarang memabatkan kehilangan nyawa, nilai kerosakan harta benda agak tinggi dan membawa kepada persekitaran masyarakat yang tidak kondusif.

Kita tentunya tidak mahu situasi seperti bah kuning di Kelantan pada tahun lalu berulang, namun keadaan itu tidak mustahil sekiranya semua pihak tidak memikirkan jalan terbaik menangani isu bencana alam dengan lebih serius.

Kita memang tidak dapat meramalkan cuaca namun kita boleh mengurangkan risiko dengan mengawal apa yang ada dalam bidang kuasa manusia, khususnya perancangan pembangunan untuk



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disartikan sehingga 31 Disember 2015.

**扫把**  
Sàobǎ  
Penyapu

Untuk maklumat berkenaan kursus sila hubungi:  
Tel: 603-61511852  
Faks: 603-61435186  
Laman Web: www.bccm.com.my  
E-mel: info@bccm.com.my

**SIRI 355**

**1** Muat turun aplikasi di App Store dan Google Play dengan cara lura (atau ZOOM BH)

**2** Masukkan kod QR ke dalam telefon

**3** Pilih + dan klik

**1300 22 6787**  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**BH JOM! BELAJAR MANDARIN**

**1300 22 6787**  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA